

Kahwin Campur: Isu, Konflik, Dan Peranan Mediasi Dalam Masyarakat Majmuk Di Malaysia

Mixed Marriages: Issues, Conflicts, And The Role Of Mediation In Malaysia's Multicultural Society

Haslina Ibrahim¹, Zaifuddin Md Rasip²

¹*AbdulHamid AbuSulayman Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, International Islamic University Malaysia;* ²*Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah*

Article progress

Received: 31st August 2024

Accepted: 25 March 2025

Published: 31 May 2025

***Corresponding author:**

Haslina Ibrahim, AbdulHamid
AbuSulayman Kulliyah of
Islamic Revealed Knowledge
and Human Sciences,
International Islamic
University Malaysia
Email: haslina@iiu.edu.my

Abstrak: Kahwin campur merupakan fenomena yang semakin berkembang dalam masyarakat majmuk di Malaysia, didorong oleh faktor globalisasi yang meningkatkan interaksi antara etnik, budaya, dan agama. Namun, perkahwinan yang melibatkan individu Muslim dan bukan Muslim masih menimbulkan pelbagai isu dan konflik, terutamanya dari sudut perundangan dan sosial. Syariat Islam menetapkan bahawa pasangan mestilah beragama Islam untuk perkahwinan yang sah, sementara agama lain juga mempunyai batasan tersendiri yang boleh mencetuskan konflik keluarga dan ketegangan antara komuniti. Kajian ini bertujuan menganalisis isu utama dalam kahwin campur, termasuk implikasi perundangan Islam, perspektif agama lain, serta kesannya terhadap kesejahteraan keluarga dan integrasi sosial. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen dan kajian literatur yang merangkumi sumber perundangan, kes-kes terdahulu, dan perspektif sosiologi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun kahwin campur berpotensi menyumbang kepada integrasi sosial, ia juga membawa cabaran besar seperti konflik identiti agama, hak penjagaan anak, pewarisan, dan penerimaan komuniti. Oleh itu, kajian ini mencadangkan pelaksanaan mekanisme mediasi sebagai langkah proaktif dalam menguruskan konflik yang berpotensi timbul, sekali gus memperkukuh keharmonian masyarakat majmuk. Kajian ini memberikan sumbangan signifikan dalam bidang sosiologi dan undang-undang keluarga Islam dengan mengusulkan pendekatan praktikal bagi menangani cabaran kahwin campur di Malaysia, khususnya melalui peranan mediasi sebagai alat penyelesaian konflik.

Kata kunci: Kahwin campur, hubungan antara agama, mediasi

Abstract: Mixed marriages are a growing phenomenon in Malaysia's plural society, driven by globalization, which fosters increased interaction between different ethnicities, cultures, and religions. However, marriages between Muslims and non-Muslims continue to present various legal and social challenges. Islamic law mandates that both partners must be Muslim for a marriage to be legally valid, while other religions also impose their own restrictions, which can lead to familial conflicts and intercommunal tensions. This study aims to analyze the key issues surrounding mixed marriages, particularly their legal implications under Islamic law, perspectives from other religious traditions, and their impact on family well-being and social

integration. This research employs a qualitative approach through document analysis and literature review, encompassing legal sources, case studies, and sociological perspectives. The findings indicate that while mixed marriages have the potential to contribute to social integration, they also pose significant challenges, such as religious identity conflicts, child custody rights, inheritance disputes, and community acceptance. Therefore, this study proposes the implementation of mediation mechanisms as a proactive measure to manage potential conflicts and strengthen societal harmony. This research provides a significant contribution to the fields of sociology and Islamic family law by offering practical approaches to addressing the challenges of mixed marriages in Malaysia, particularly through mediation as a conflict resolution tool.

Keywords: Inter marriage, Interreligious relationship, mediation

Pendahuluan

Malaysia merupakan sebuah negara yang terbentuk daripada kepelbagaian etnik, budaya, dan agama hasil daripada sejarah panjang penghijrahan, perdagangan, serta kolonialisasi yang membawa masuk pelbagai kelompok masyarakat dari rantau Asia dan luar. Proses ini melahirkan sebuah masyarakat majmuk yang terdiri daripada pelbagai kaum utama seperti Melayu, Cina, India, serta kumpulan etnik pribumi di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Kepelbagaian ini telah membentuk interaksi sosial yang kompleks, termasuk dalam aspek perkahwinan campur, yang menjadi sebahagian daripada dinamika sosial di Malaysia (Rasip et al 2025). Walaupun perkahwinan campur bukanlah fenomena baharu, perkembangannya semakin ketara seiring dengan globalisasi yang menggalakkan hubungan antara kaum dan agama yang lebih terbuka. Namun, fenomena ini turut menimbulkan cabaran dalam aspek penerimaan sosial, undang-undang perkahwinan, serta identiti budaya dan agama pasangan yang terlibat. Dalam usaha mengekalkan keharmonian masyarakat, kerajaan telah mengambil pelbagai langkah strategik, termasuk penubuhan agensi perpaduan seperti Jabatan Perpaduan Negara yang kemudiannya dinaik taraf menjadi Kementerian Perpaduan Negara. Peranan kementerian ini semakin penting dalam memastikan integrasi sosial yang berkesan serta mengurangkan konflik yang berpotensi timbul akibat perbezaan latar belakang budaya dan agama dalam institusi keluarga campur.

Kahwin campur adalah realiti sosial yang sinonim dengan masyarakat majmuk. Kahwin campur yang dimaksudkan merujuk kepada perkahwinan di antara lelaki dan perempuan yang berlainan kaum, adat, budaya dan agama (Pahutar et.al., 2024). Definisi ini menolak definisi dan amalan kahwin campur yang diperjuangkan oleh golongan LGBTQ kerana ia bertentangan dengan maksud dan tujuan murni perkahwinan itu sendiri. Menurut Rasip et al. (2025b), LGBTQ merujuk kepada individu dengan orientasi seksual dan identiti jantina yang berbeza daripada norma heteroseksual. "L" untuk lesbian (wanita tertarik kepada wanita), "G" untuk gay (lelaki tertarik kepada lelaki), "B" untuk biseksual (tertarik kepada kedua-dua jantina), "T" untuk transgender (mengidentifikasi diri berbeza daripada jantina lahir), dan "Q" untuk Queer (identiti seksual di luar norma heteroseksual).

Dalam pengalaman negara ini, kahwin campur telah melahirkan kumpulan masyarakat yang dikenali sebagai golongan peranakan Jawi, Arab, Samsam, Chetti Melaka, Punjabi, Baba Nyonya (Awang et al., 2022). Hari ini, fenomena kahwin campur bukanlah sesuatu yang asing. Ini disebabkan oleh globalisasi, imigrasi dan pendedahan media sosial yang menjadikan masyarakat bersikap lebih terbuka terhadap amalan kahwin campur. Bukanlah sesuatu yang mustahil bahawa akan lahir kumpulan masyarakat yang baru dalam kalangan generasi hari ini dan akan datang berikutan peningkatan amalan kahwin campur.

Ahmad Tarmizi dan Osman menyebutkan bahawa statistik Laporan Perangkaan Perkahwinan dan Perceraian 2019 mencatatkan sebanyak 9% daripada jumlah pasangan berkahwin yang berdaftar adalah kahwin campur (Ahmad Tarmizi & Osman, 2022). Bahkan, terdapat statistik yang melaporkan peningkatan pendaftaran perkahwinan oleh rakyat Malaysia yang bukan beragama Islam dengan individu yang mempunyai kerakyatan dari negara lain di antara tahun 2001 hingga 2005 (Leng, 2015). Dapatan yang dilaporkan oleh S. Nagaraj dalam tahun 2009 pula menyebutkan bahawa lebih banyak

kahwin campur didaftarkan di Malaysia Timur berbanding Semenanjung dan rata-ratanya berlaku dalam kalangan generasi kedua dan ketiga imigran (Nagaraj, 2009). Statistik ini mendedahkan bahawa adanya kemungkinan pada satu ketika nanti, kahwin campur akan menjadi satu norma yang tidak lagi asing kepada masyarakat berbilang kaum dan agama di negara ini. Ini bermakna institusi kekeluargaan akan jadi lebih bervariasi dan mencabar. Bahkan komposisi masyarakat akan menjadi semakin kompleks. Oleh yang demikian, sesuatu perlu dilakukan bagi mengenalpasti cabaran dan perubahan sosial yang bakal dialami pada masa akan datang agar persediaan ke arahnya boleh dilakukan.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis isu-isu utama dalam perkahwinan campur di Malaysia, termasuk cabaran perundangan Islam, perspektif agama lain, serta kesannya terhadap kesejahteraan keluarga dan integrasi sosial. Kajian ini juga akan cuba mendedahkan kesan dan impak perkahwinan campur terhadap masyarakat majmuk dengan meneliti aspek konflik identiti agama, hak penjagaan anak, pewarisan, dan penerimaan masyarakat terhadap perkahwinan campur serta cabaran yang dihadapi oleh pasangan dan keluarga mereka. Selain itu, kajian ini berhasrat mencadangkan mekanisme mediasi sebagai pendekatan strategik dalam menguruskan konflik, sekali gus menyumbang kepada kestabilan sosial dan memperkukuh perpaduan dan institusi kekeluargaan dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen dan kajian literatur bagi meneliti isu, konflik, dan peranan mediasi dalam perkahwinan campur di Malaysia. Data primer merangkumi peruntukan undang-undang Islam dan sivil, keputusan mahkamah, serta dasar berkaitan, manakala data sekunder diperoleh daripada jurnal akademik, buku, laporan institusi, dan artikel sosiologi. Analisis data dilakukan secara tematik bagi mengenal pasti cabaran utama, kesan sosial, serta keberkesanan mediasi dalam menguruskan konflik perkahwinan campur. Pendekatan ini membolehkan kajian memberikan pemahaman mendalam serta mencadangkan langkah penyelesaian yang sesuai.

Kahwin Campur Menurut Pandangan Islam Dan Agama Selain Daripada Islam

Secara umumnya, setiap agama melihat perkahwinan sebagai ikatan suci yang menjadi asas pembinaan sesebuah keluarga. Secara umumnya juga, kebanyakan agama tidak cenderung membenarkan kahwin campur atas sebab-sebab kesucian agama dan demi mempertahankan adat dan tradisi agama. Bukanlah sesuatu yang asing bahawa seseorang yang mahu mengamalkan kahwin campur akan dituduh sebagai melanggar ajaran agama dan amalan budaya (Sewenet et al., 2017). Namun begitu, dalam kalangan masyarakat Barat yang berfahaman sekular, kahwin campur yang melibatkan pasangan yang berlainan, sudah diterima sebagai norma dan tidak lagi dilihat sebagai sesuatu yang janggal (Sewenet et al., 2017). Sebaliknya, perbezaan ini sudah tentu akan memberi kesan terhadap persepsi umum dan amalan kahwin campur dalam kalangan masyarakat yang masih kuat berpegang dengan nilai agama dan tradisi. Faktor pegangan terhadap agama sebagai satu halangan kepada kahwin campur ini diakui oleh Giok Hun Pue yang menyebutkan bahawa bilangan kahwin campur dalam kalangan masyarakat Islam di negara ini menunjukkan pengurangan berikutan pegangan mereka terhadap agama yang semakin kuat (Pue, 2015).

Dakwaan yang mengatakan bahawa Islam melarang amalan kahwin campur adalah sesuatu yang tidak tepat. Syariat Islam membenarkan kahwin campur tetapi ia mengambil pendirian yang tegas terhadap keperluan mengekalkan akidah Islam dan memastikan bahawa syarat dan rukun nikah itu dipatuhi. Oleh itu, seorang Muslim tidak boleh berkahwin dengan orang bukan Islam. Namun tiada halangan untuk berkahwin dengan berlainan budaya sekiranya pasangan yang ingin dikahwini itu adalah beragama Islam. Bahkan Rasulullah s.a.w dan para sahabat berkahwin dengan kabilah dan bangsa selain daripada Arab. Justeru, dalam pengamalan Baginda s.a.w dan para sahabat, kahwin campur merupakan salah satu cara mengembangkan dakwah Islam dan ini sewajarnya dicontohi oleh masyarakat Islam pada hari ini (Ahmad Tarmizi & Osman, 2022).

Dalam konteks Akta Undang-undang Keluarga Islam 1984 di Malaysia, di bahagian II Perkahwinan, Seksyen 10

Orang-orang dari agama lain, menetapkan bahawa (1) Tiada seseorang lelaki boleh berkahwin dengan seseorang bukan Islam kecuali seorang *Kitabiyyah* dan (2) Tiada seseorang perempuan boleh berkahwin dengan seseorang bukan Islam. Akta ini bertepatan dengan firman Allah s.w.t dalam *surah al-Baqarah* ayat 221 yang menegah lelaki Muslim berkahwin dengan perempuan musyrik. Akta ini juga mengambil kira pengharusan yang diberikan Allah seperti yang disebutkan di dalam *surah al-Maidah* ayat 5. Ayat ini mengharuskan lelaki Muslim berkahwin dengan wanita dari golongan ahli kitab/*kitabiyah* dan sekaligus membuka ruang kepada keharusan mengamalkan kahwin campur. Makna *kitabiyah* ini telah diperhalusi lagi dan Persidangan Jawatankuasa Hal Ehwal Ugama Islam Kali ke 14 pada tahun 1977 yang memutuskan bahawa *Kitabiyyah* adalah merujuk kepada perempuan ahli Kitab yang berketurunan Nabi Yaakub a.s. jika tidak diketahui nenek moyangnya samada mereka memeluk agama ahli kitab setelah agama itu dinasakkan, atau perempuan ahli kitab yang bukan berketurunan Nabi Yaakub a.s. dan beliau mengetahui bahawa nenek moyangnya adalah ahli kitab sebelum agama itu dinasakkan. Seterusnya Persidangan Jawatankuasa Hal Ehwal Ugama Islam Kali ke 18 pada tahun 1980 menegaskan bahawa pernikahan dengan perempuan *Kitabiyyah* yang tidak termasuk dalam definisi di atas, adalah tidak sah mengikut Mazhab Shafi'i. Dalam konteks ini, mana-mana gereja yang tertubuh selepas kewafatan Nabi Muhammad s.a.w adalah terkeluar dari definisi *kitabiyah*, sebagai contohnya gereja Anglikan (Arshad et al., 2022). Berdasarkan definisi itu juga, adalah hampir mustahil untuk menemui ahli kitab yang memenuhi kriteria seperti yang diperincikan oleh jawatankuasa tersebut. Selain daripada itu, pengharusan adalah khas untuk lelaki Muslim sahaja manakala wanita Muslim tidak dibenarkan sama sekali berkahwin dengan lelaki bukan Muslim. Ini adalah disebabkan kekeluargaan Islam meletakkan bebanan tanggungjawab terhadap suami sebagai ketua keluarga (Sewenet et al., 2017).

Syarat-syarat yang ketat untuk mengamalkan kahwin campur ini bukanlah terdapat di dalam Islam sahaja. Malah agama-agama lain juga meletakkan kekangan-kekangan tertentu bagi mengelakkan kahwin campur. Agama Yahudi contohnya melarang perkahwinan dengan bukan Yahudi, malah perkahwinan dengan saudara mara terdekat juga dilarang (Zarean & Barzegar, 2016). Christian Frevel dalam antologinya ada membentangkan debat ilmiah berkaitan kahwin campur menurut perspektif agama Yahudi. Menurutnyas esetengah pendapat dalam kalangan orang Yahudi, larangan adalah berpunca daripada isu *gentile ritual impurity* iaitu bangsa bukan Yahudi dianggap tidak suci di sisi tuhan. Kesucian tersebut tidak dimiliki oleh bangsa selain Yahudi. Sebahagian pendapat lagi merujuk kepada masalah moral *impurity* 'kecemaran moral' yang terjadi disebabkan hubungan terlarang pasangan yang dianggap dosa zenut (*illegal sex union*) iaitu dosa perzinaan (Frevel, 2011). Bahkan orang Yahudi juga melihat kahwin campur sebagai satu ancaman terhadap kelangsungan hidup bangsa Yahudi. Oleh kerana itu mutakhir ini banyak kajian yang mengutuk amalan kahwin campur telah diterbitkan oleh pengkaji-pengkaji berbangsa Yahudi (Sewenet et al., 2017).

Di dalam agama Kristian pula, perkahwinan ditafsirkan sebagai ikatan suci (*sacrament*) antara lelaki dan wanita. Menurut Bible, perkahwinan adalah bukti kasih sayang tuhan kepada manusia dan kasih sayang Jesus kepada pengikutnya (Ephesians 5:32). Ironinya, Gereja Katolik dan Ortodoks melihat perkahwinan sebagai keterikatan manusia dengan duniawi. Oleh kerana itu, amalan pembujangan (*celibacy*) diperkenalkan sebagai suatu amalan yang memudahkan lagi penganut Kristian bersatu dengan Tuhan. Memandangkan perkahwinan bukanlah satu amalan yang digalakkan oleh kedua-dua gereja, maka perkahwinan dengan bukan Kristian tentulah tidak mendapat restu kerana ianya dianggap bertentangan dengan prinsip-prinsip gereja dan kepercayaannya (Zarean & Barzegar, 2016). Namun, sekiranya seorang Kristian perlu berkahwin dengan bukan Kristian, maka pasangannya itu perlulah memeluk agama Kristian. Seorang perempuan Kristian yang mengahwini lelaki bukan Kristian perlu diusir daripada komunitinya. Namun, sekiranya mereka berhasrat agar anak-anak mereka dibaptiskan, maka hal ini boleh dilakukan. Jika wanita itu bertaubat dan berbalik kepada agama Kristian, dia akan diterima semula sebagai seorang murtad yang telah kembali semula ke dalam ajaran Kristian (Sewenet et al., 2017). Secara umumnya, Gereja Kristian berpegang dengan prinsip asas Bible berkaitan perkahwinan dengan bukan Kristian, cuma terdapat perbezaan kecil dalam cara mereka mentafsirkan beberapa ayat di dalam Bible berkaitan isu ini.

Tradisi Hindu pula percaya bahawa seseorang perlu lahir sebagai seorang Hindu untuk menjadi seorang Hindu. Ini bermakna, agama Hindu bukanlah satu agama yang boleh dianuti dengan mudah oleh individu bukan beragama Hindu. Selain daripada itu, sama seperti Kristianiti, perkahwinan menurut ajaran Hindu adalah sebuah upacara suci. Perkahwinan di luar kasta tidak dibenarkan. Oleh yang demikian, perkahwinan dengan penganut selain daripada Hindu adalah tidak sah. Lebih ketat lagi, seorang Hindu yang telah meninggalkan agamanya, tidak akan dapat kembali kepada agama Hindu (de Gruyther, 1929). Bahkan di dalam agama Hindu tidak ada peruntukan untuk pembubaran perkahwinan. Jika sesuatu perkahwinan itu menjadi tidak sah, maka isteri dan anak-anak dari perkahwinan itu tidak layak untuk mendapat

pembahagian harta.

Kaum Sikh adalah kumpulan etnik berpegang kuat kepada agama dan mereka bersifat pengelompok (Gill, 2001) yang berpegang kepada prinsip endogami. Lelaki Sikh tidak akan menukar agama kerana kaum lelaki dilihat sebagai penyambung keturunan dan pengekal identiti etnik. Di dalam agama Sikh, perkahwinan dianggap penyatuan dua roh. Ia disamakan dengan penyatuan antara manusia dengan Waheguru, iaitu matlamat penting dalam kehidupan orang Sikh (Gill, 2001). Penganut agama lain yang ingin berkahwin dengan orang Sikh perlu memeluk agama Sikh dan mengamalkan ajaran Sikh terlebih dahulu (Gill, 2001). Secara umumnya, orang Sikh menentang perkahwinan campur. Sekiranya ia dilakukan oleh generasi muda, dia akan ditentang oleh warga tua dalam kalangan penganut Sikh. Orang-orang muda itu akan dianggap sebagai kurang berpendidikan agama, membawa malu kepada keluarga, keluar dari norma kekeluargaan, dan mereka akan dipandang rendah oleh masyarakat Sikh.

Berdasarkan penerangan ini, dapatlah dimaklumi bahawa di sebalik pengamalan kahwin campur, terdapat seribu satu sebab yang boleh menimbulkan perselisihan dan konflik dalam kalangan pengamalnya, ahli keluarga dan komuniti penganut agama tersebut. Ia secara tidak langsung boleh memberi kesan terhadap keharmonian hidup masyarakat majmuk di Malaysia memandangkan ia melibatkan hubungan antara agama yang berbeza. Sesuatu perlu dilakukan bagi menguruskan perbezaan ini agar ianya tidak terus menjadi isu terpendam yang menghantui pengamal kahwin campur dan menjadi asbab yang boleh meretakkan lagi hubungan antara kaum dan agama di negara ini.

Cabaran dan Implikasi Sosial Terhadap Masyarakat Majmuk

Terdapat beberapa elemen yang boleh mempengaruhi persepsi individu terhadap kahwin campur, bergantung kepada komposisi komuniti samada bersifat heterogenik atau homogenik, tahap pendidikan, pegangan terhadap agama, latarbelakang agama ibu bapa dan keluarga, umur, saiz komuniti dan tahap prejudis komuniti. Secara teorinya, komuniti yang hidup di dalam masyarakat yang berbilang kaum dan agama mempunyai persepsi yang positif terhadap pengamalan kahwin campur berbanding dengan komuniti yang hidup dalam masyarakat yang homogenik (Sewenet et al., 2017).

Tahap pendidikan seseorang boleh membantu dia mewujudkan suasana yang selesa tatkala berinteraksi dengan penganut agama lain. Ini akan mengurangkan jarak sosial di antara mereka. Bahkan terdapat kajian yang membuktikan bahawa sikap seseorang terhadap pengamalan kahwin campur sangat dipengaruhi oleh latar belakang dan tahap pendidikan mereka. Lebih tinggi tahap pendidikan seseorang, maka lebih terbukalah untuk menerima kahwin campur secara positif (Sewenet et al., 2017).

Di sebalik peranan positif pendidikan, terdapat juga pandangan yang mendakwa bahawa sekularisme sangat berkait rapat dengan pendidikan dan ia mempengaruhi persepsi seseorang terhadap kahwin campur. Terdapat sebahagian sarjana teologi Kristian yang menyokong pandangan ini dan menuduh bahawa kahwin campur diamalkan oleh mereka yang tidak komited dalam mengamalkan ajaran agama. Tambahan pula sekularisme menjadikan manusia hilang minat terhadap agama, bersifat individualistik dan tidak lagi dipengaruhi oleh norma dan nilai-nilai kekeluargaan.

Terdapat kajian mendapati bahawa semakin cenderung seseorang itu kepada pemikiran sekular, maka semakin kurangnya kadar pengaruh ahli keluarga dan ibu bapa terhadap mereka. Akibatnya dia akan lebih berdikari dalam membuat keputusan dan ini meningkatkan lagi kebarangkalian untuk mengamalkan kahwin campur (Sewenet et al., 2017). Selain daripada itu, sekiranya salah seorang ahli keluarga mengamalkan kahwin campur, ia akan mempengaruhi ahli keluarga yang lain secara positif. Begitu juga, didapati bahawa anak-anak yang lahir daripada kahwin campur mempunyai kebarangkalian yang tinggi untuk mengamalkan kahwin campur. Menariknya, komitmen terhadap pegangan agama berkemungkinan memberi pengaruh yang positif dan negatif terhadap kahwin campur. S. Nagaraj berpandangan bahawa sekiranya wujud satu kaum yang dominan, ini akan menjadi halangan kepada amalan kahwin campur. Namun, jika komposisi komuniti bersifat heterogenik, terdapat lebih kebarangkalian untuk terjadinya kahwin campur (Nagaraj, 2009).

Berikutan persepsi negatif terhadap pengamalan kahwin campur, ahli sosiologi berpendapat bahawa ia memberi cabaran terhadap negara untuk menguruskan isu berkaitan identiti rakyat contohnya apabila ia melibatkan perbezaan yang ketara seperti warna kulit (Mitrayani, 2019). S. Nagaraj juga bersetuju bahawa kahwin campur akan menambahkan

kerumitan dan menjadikan proses pembinaan negara bangsa menjadi lebih rencam (Nagaraj, 2009).

Namun begitu, secara umumnya ahli sosiologi mempunyai persepsi yang positif terhadap kahwin campur dan sumbangannya terhadap integrasi dan kesepaduan sosial sesebuah negara. Anaelechi & Yahya (2021) menyokong dapatan kajian Andrei Tudorel yang menyimpulkan bahawa kahwin campur merupakan penyumbang kepada integrasi sosial dan budaya yang dapat mempertahankan kestabilan negara yang memiliki rakyat berbilang kaum, bangsa dan agama (Tudorel et al., 2020). Kahwin campur juga dipercayai dapat mengikis perkauman dan melahirkan generasi baru yang lebih terbuka terhadap perbezaan kaum di negara ini (Gill, 2001). Siew Ean Khoo mengungkap semula kata-kata Charles Price yang sangat optimis terhadap peranan kahwin campur dalam masyarakat majmuk;

Intermarriage is still the best measure of ethnic intermixture because it breaks down ethnic exclusiveness and mixes the various ethnic populations more effectively than any other social process. It is an indicator of integration process. (Ean Khoo, 2011).

Dalam hal ini ada sarjana yang menyimpulkan bahawa kahwin campur boleh menjadi indikator untuk mengukur hubungan antara kelompok dalam masyarakat (Budi Anto Mohd Tamring & Saidatul Nornis Mahali, 2020). Secara idealnya, pertambahan statistik terhadap kahwin campur sepatutnya menambahkan solidariti rakyat dan membantu memperbetulkan persepsi umum terhadap pengamalannya. Ini seterusnya akan mewujudkan semangat toleransi yang sangat penting bagi sesebuah negara yang mempunyai rakyat berbilang agama dan kumpulan etnik (Sewenet et al., 2017). Lebih bermakna lagi, walaupun terdapat halangan-halangan tertentu dalam pengamalan kahwin campur, namun tidak ada undang-undang yang melarangnya daripada diamalkan di Malaysia (Ming, 2013). Oleh yang demikian, wajarlah sesuatu dilakukan bagi menguruskan hal-ehwal berkaitan kahwin campur agar ianya memberi natijah yang baik dalam memelihara keharmonian masyarakat majmuk di negara ini.

Isu-Isu Berkaitan Kahwin Campur Dan Penyelesaian Oleh Pihak Berkepentingan

Kejayaan dan kegagalan sesebuah perkahwinan terutamanya apabila melibatkan kahwin campur adalah tertakluk kepada kemampuan pihak-pihak yang terlibat secara langsung menguruskan konflik. Berbanding dengan perkahwinan biasa, konflik yang dialami di dalam kahwin campur adalah lebih tinggi dan memerlukan kemahiran pengurusan konflik yang lebih berwibawa (Ahmad Tarmizi & Osman, 2022).

Masalah utama yang menghantui pengamal kahwin campur adalah masalah persepsi daripada orang luar. S.Nagaraj melaporkan dalam dapatannya bahawa wujudnya halangan secara bersistematik (*systematic discouragement*) terhadap kahwin campur oleh komuniti di Semenanjung Malaysia berbanding Malaysia Timur (Nagaraj, 2009).

Sebuah kajian tentang diskriminasi terhadap bangsa Afrika yang berada di Malaysia melaporkan dapatan daripada responden menyebutkan bahawa media di negara ini memainkan peranan dalam memberikan gambaran negatif terhadap mereka. Hal ini telah mempengaruhi persepsi rakyat tempatan dan mengakibatkan perkahwinan yang melibatkan rakyat tempatan dengan lelaki berkulit hitam dipandang rendah (Anaelechi & Yahya, 2022). Antara masalah yang biasa dilaporkan oleh pengamal kahwin campur adalah pertikaian tentang niat suci untuk memilih Islam sebagai jalan hidup, pertukaran nama asal kepada nama Muslim tentangan daripada keluarga samada keluarga sendiri mahupun keluarga mertua, dibuang keluarga, dan kesempitan kewangan kerana tidak lagi dibiayai oleh keluarga, kehilangan pekerjaan setelah memeluk Islam, kehilangan hak tuntutan harta pusaka serta sikap monopoli keluarga Muslim (Mohd Khambali et al., 2017). Hal ini adalah disebabkan wujudnya prasangka, semangat perkauman, jurang perbezaan yang ketara dari segi ideologi, kebudayaan, kepercayaan dan agama (Ming, 2013).

Masalah tidak terhenti setelah pasangan tersebut berkahwin. Malah lebih banyak cabaran yang akan dihadapi dalam proses menyesuaikan diri dengan pasangan. Ia melibatkan masalah perbezaan budaya, cara hidup, citarasa, komunikasi, bahasa, kefahaman dan pengamalan agama Islam itu sendiri. Walaupun ada banyak laporan yang menyebutkan bahawa kebiasaannya, setelah beberapa tahun berkahwin, pihak keluarga akan menerima kembali pasangan tersebut, tetapi masalah-masalah yang disebutkan ini tidak dapat dielakkan. Ia memerlukan persefahaman, kerjasama dan toleransi daripada kedua belah pihak bagi menjayakan silaturrahim yang terbina semula.

Agak malang sekali sekiranya perkahwinan itu gagal, pasangan akan berhadapan pula dengan masalah pasangan yang murtad dan mahu kembali kepada agama asal. Jika pasangan mempunyai anak, akan timbul isu perebutan hak penjagaan, isu bangsa dan agama anak yang menimbulkan kekeliruan identiti kepada anak, dan lebih malang sekali, anak-anak menjadi mangsa kerana terpaksa dipisahkan dan keliru untuk memilih bersama ibu ataupun bapa (Budi Anto Mohd Tamring & Saidatul Nornis Mahali, 2020). Jika berlaku kematian hal akan menjadi lebih rumit lagi kerana ia mungkin melibatkan masalah perebutan jenazah dan cabaran undang-undang. Masalah akan menjadi lebih rumit seandainya ia melibatkan pasangan bukan warganegara kerana ia akan melibatkan polisi dan undang-undang negara (Nagaraj, 2009).

Berdasarkan pendedahan terhadap isu-isu yang melingkari kahwin campur, jelas kepada kita bahawa ia memerlukan perhatian serius daripada pihak-pihak yang berkepentingan. Dalam konteks ini, kesedaran masyarakat adalah amat penting agar persepsi negatif boleh diperbetulkan demi memelihara maslahat pihak yang terlibat. Para pengamal undang-undang, ibu-bapa, ahli keluarga, pemimpin tempatan seperti ketua agama, ketua kampung, imam, penguatkuasa seperti jabatan agama, peguam, kaunselor seharusnya cakna kepada isu-isu berkaitan kahwin campur. Ia tidak boleh lagi dianggap sebagai kes terencil (*isolated case*) kerana komposisi masyarakat hari ini bukan sahaja bersifat heterogenik tetapi juga global. Ini bermakna, kebarangkalian untuk kahwin campur akan meningkat. Anak-anak yang lahir daripada pasangan kahwin campur ini akan membentuk generasi baru yang mungkin tidak selesai dilabelkan dengan kumpulan etnik ibu dan bapa mereka. Generasi ini sudah pastinya akan bersikap lebih terbuka terhadap isu kaum, bangsa dan mungkin juga agama. Jika ini keadaannya, sudah pasti ia akan memberi cabaran kepada norma-norma yang sedia ada pada hari ini. Mahu tidak mahu, isu ini perlulah difikirkan bersama pada hari ini agar ia tidak menimbulkan lebih banyak kekeliruan pada masa hadapan, samada pada institusi kekeluargaan itu sendiri, mahupun institusi sosial yang berkait rapat dengan persoalan jati diri dan patriotisme rakyat negara ini.

Kesedaran Terhadap Kepentingan Etika Dan Adab Terkait Amalan Kahwin Campur

Isu yang amat jarang dibincangkan yang menuntut kesedaran setiap pihak yang terlibat dengan urusan kahwin campur adalah isu berkaitan etika dan adab. Pasangan yang mahu mengamalkan kahwin campur sewajarnya mengambil-berat persoalan ini dan menguruskannya dengan cermat. Begitu juga ahli keluarga yang terdiri daripada ibu, bapa, adik beradik dan saudara mara terdekat perlu disedarkan tentang hak dan batas tertentu tatkala menggambarkan ketidaksetujuan mereka terhadap amalan tersebut.

Di sinilah pentingnya kemahiran menguruskan konflik dalam kalangan masyarakat. Malangnya kemahiran menguruskan konflik tidak begitu dititik-beratkan dalam institusi sosial dan kekeluargaan di negara ini. Kewujudan kursus-kursus perkahwinan dalam kalangan orang Islam mahupun bukan Islam adalah sangat baik. Tetapi terdapat kelompokan pengisian dari sudut etika dan adab pasangan yang melibatkan mereka yang berlainan kaum dan agama. Realitinya, pasangan tersebut perlu menyelesaikan permasalahan mereka secara bersendirian dan hanya mengharapkan sokongan individu-individu tertentu yang bersimpati. Keadaan ini amat malang sekali terutamanya kepada pasangan yang baru memeluk agama Islam. Begitu juga di pihak ibu bapa dan keluarga yang terbabit tidak mendapat nasihat dan panduan yang sepatutnya yang mungkin menyebabkan tindakan mereka lebih bersifat emosional berdasarkan sentimen dan prejudis. Di pihak ibu-bapa Muslim pula wajib melayani saudara baru dengan layanan yang baik supaya mereka tidak memilih untuk kembali kepada agama asal semata-mata kerana layanan buruk dari ahli keluarga mahupun dari pasangan mereka (Mohd Khambali et al., 2017).

Pengamal kahwin campur juga perlu mendapat penerangan yang jelas terhadap hal ehwal berkaitan syariat yang merangkumi hak penjagaan anak, pembubaran perkahwinan, nafkah dan hak sampingan, pewarisan yang termaktub atau diperuntukkan di bawah undang-undang keluarga dan pewarisan (Arshad et al., 2022). Penerangan ini sangat penting supaya mereka boleh membuat keputusan yang tepat berdasarkan maklumat yang diberikan (*informed decision*). Seandainya kesedaran ini boleh diterbitkan, moga-moga pasangan boleh mematuhi keputusan Mahkamah Syariah sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini dalam perkahwinan mereka. Pihak keluarga juga perlu dimaklumkan agar tidak wujud rasa tidak puas hati terhadap keputusan Mahkamah Syariah yang boleh menyebabkan pihak keluarga bukan Muslim membuat notis rayuan di Mahkamah Sivil (Mohd Khambali et al., 2017).

Penting untuk ditekankan bahawa pasangan yang ingin mengamalkan kahwin campur perlu memahami bahawa pilihan mereka akan melibatkan banyak pihak dan masa hadapan keluarga yang akan mereka bina. Dalam hal ini pasangan tersebut hendaklah disedarkan bahawa mereka perlu memilih lebih dari 'celik undang-undang' kerana hubungan perkahwinan melibatkan banyak pihak yang perlu disantuni. Dalam masa yang sama pasangan ini juga memerlukan

sistem sokongan yang kuat, jika tidak daripada ibubapa dan ahli keluarga, maka sokongan itu perlulah datang dari luar samada agensi kerajaan atau bukan kerajaan.

Peranan Mediasi Dan Kepentingannya Dalam Pengurusan Konflik Oleh Pasangan Yang Berhasrat Mengamalkan Kahwin Campur

Mediasi bukanlah sesuatu yang dimaklumi dalam amalan masyarakat di negara ini. Kebiasaannya, pihak-pihak yang berkonflik akan menggunakan mediasi apabila diperintahkan oleh mahkamah. Oleh yang demikian, mediasi sangat terkait dengan amalan undang-undang (*legal practice*) walaupun ianya dilakukan di luar mahkamah.

Mediasi merupakan alternatif penyelesaian konflik di luar mahkamah melalui proses perundingan dengan bantuan pengantara yang merupakan pihak ketiga yang tidak berkepentingan membantu pihak-pihak yang bertelagah untuk mencapai persepakatan secara sukarela. Mengambil kira mediasi sebagai suatu alternatif penyelesaian konflik di luar mahkamah, adalah disarankan agar alternatif ini turut diperkenalkan kepada pasangan yang mengamalkan kahwin campur, ahli keluarga serta saudara mara yang terdekat yang berkepentingan.

Di Malaysia mediasi kebiasaannya digunakan dalam pertikaian yang melibatkan hal berkaitan perbankan, insuran dan kebanyakan kes sivil dan komersial. Mutakhir ini, mediasi mula digunakan dalam menyelesaikan konflik perkahwinan dan rumahtangga (Ahmad et al., 2022). Amalan mediasi ini bertepatan dengan saranan al-Qur'an yang mengutamakan perdamaian melalui proses *suluh* di dalam *surah al-Nisa* ayat 128 dan *islah* di dalam *surah al-Hujurat* ayat 9. Mengambil kira semangat ini, sewajarnya mediasi menjadi medium yang boleh membantu pihak yang mahu mengamalkan kahwin campur menguruskan konflik yang dihadapi oleh mereka sebelum, sewaktu dan sesudah berkahwin. Pihak-pihak yang terlibat termasuklah mereka yang berkepentingan dengan pasangan tersebut samada ibubapa, ahli keluarga terdekat ataupun ketua agama juga boleh dinasihatkan melalui proses mediasi bagi membantu mereka mencari jalan keluar yang memberi manfaat menang-menang kepada pihak-pihak yang berkonflik; iaitu pasangan yang mahu berkahwin dan ahli keluarga (Ibrahim & Maidin, 2020).

Inisiatif mediasi sememangnya telah diwujudkan di pihak jabatan agama Islam. Sebagai contohnya Majlis Suluh ditubuhkan pada tahun 2002 di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Selangor bagi membantu menyelesaikan pertikaian rumah tangga. Namun, institusi seumpama ini masih lagi terkait dengan pengamalan undang-undang dan ia mungkin menimbulkan rasa tidak selesa terhadap pasangan yang belum berkahwin lebih-lebih lagi apabila ia melibatkan kahwin campur.

Sehubungan dengan itu, bentuk mediasi yang wajar diperkasakan dalam menangani isu kahwin campur ialah mediasi komuniti yang tidak begitu formal tetapi berstruktur dan sistematik. Hakikatnya, mediasi komuniti adalah alternatif kepada amalan tradisi yang telah lama diamalkan oleh masyarakat di negara ini iaitu dengan merujuk permasalahan mereka kepada ketua agama (seperti imam, paderi, sami dan lain-lain lagi), ketua kampung, penghulu dan warga tua yang dihormati dan berpengalaman. Perbezaannya, mediasi bersifat lebih berstruktur, sistematik, mementingkan etika-etika tertentu bagi menjaga kemaslahatan pihak-pihak yang bertelagah dengan bantuan pengantara yang terlatih.

Di Malaysia, mediasi komuniti ini mula diperkenalkan dalam tahun 2007 oleh Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN). Ia mensasarkan ahli jawatankuasa Rukun-Tetangga untuk dilatih menjadi pengantara komuniti yang boleh diharapkan untuk membantu ahli komuniti yang bertelagah mencapai jalan penyelesaian. Dipercayai sehingga tahun 2022 terdapat hampir seribu orang pengantara komuniti terlatih yang berdaftar dengan JPNIN yang telah dilatih untuk memainkan peranan di komuniti masing-masing (Ahmad et al., 2022). Selain daripada itu, sebuah Pusat Rundingcara dan Mediasi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan - Persatuan Pengguna Islam Malaysia (MAIWP-PPIM) juga telah ditubuhkan dalam tahun 2022 dan mula beroperasi pada tahun 2023 atas inisiatif Dato' Zainul Rijal Abu Bakar yang merupakan Presiden Peguam Muslim Malaysia pada waktu itu. Pusat ini memberikan khidmat mediasi secara percuma kepada masyarakat terhadap kes-kes sivil, jenayah, kekeluargaan dan perkahwinan dan syariah.

Kesedaran terhadap keperluan dan peranan mediasi ini amat tepat pada waktunya dan ianya perlu dipergiatkan lagi. Permasalahan yang bersangkutan pengamalan kahwin campur ini adalah antara isu-isu yang boleh ditangani melalui mediasi. Pilihan ini wajar diperkenalkan kepada pasangan yang berhasrat untuk mengamalkan kahwin campur sebagai suatu sistem sokongan kepada mereka dan juga ahli keluarga terdekat. Masyarakat perlu diberi kesedaran dan dididik

untuk mengutamakan perdamaian dalam menangani konflik terutamanya apabila ia melibatkan kekeluargaan dan agama. Kaedah litigasi adalah jalan terakhir dan bukan satu-satunya jalan ke arah penyelesaian konflik. Hal ini sangat penting lebih-lebih lagi isu kekeluargaan berkaitan agama merupakan isu yang sangat sensitif di negara ini.

Persoalannya, apakah kaedah mediasi berupaya menjadi sistem sokongan yang diperlukan oleh pengamal kahwin campur dan mereka yang berkepentingan? Tambahan pula dalam kes kahwin campur, ia melibatkan isu pertukaran agama, doktrin dan kepercayaan serta adat dan tradisi yang eksklusif sifatnya. Hal ini perlulah dicermati dan ini memerlukan latihan tertentu yang membantu pengantara mempunyai pengetahuan asas terhadap agama dan kepercayaan yang ada di Malaysia. Pengetahuan ini amat penting agar para pengantara memaklumi isu-isu sensitif sesebuah agama dan dapat mengukur setakat mana kemampuan mediasi dan kemampuannya sendiri dalam mengendalikan isu-isu berkaitan kahwin campur. Keperluan kepada kemampuan yang tersebut mungkin agak keterlaluan bunyinya, tetapi ia adalah satu kemahiran yang sangat diperlukan oleh para pengantara bagi meraikan realiti masyarakat majmuk di negara ini.

Kemampuan mediasi dan kredibiliti pengantara dalam menguruskan pertikaian yang melibatkan isu agama telah dikupas oleh J.F Sánchez di dalam *Interfaith Dialogue in Spain—Religious Mediation: A Brief Analysis of Spain's Religious Liberty Law* (Sánchez, 2012), M. Mubashir, dan L. Vimalarajah di dalam *Tradition & Faith-Oriented Insider Mediators (TFIMs) as Crucial Actors in Conflict Transformation* (Mubashir & Vimalarajah, 2016). Di antara elemen terpenting yang perlu dimiliki oleh seorang pengantara ialah mengambil sikap berkecuali. Dalam hal yang berkaitan agama, ini bukanlah bermaksud bahawa pengantara mengabaikan kepercayaan peribadinya. Pengantara perlu memastikan agar pendirian agamanya tidak dipaksakan ke atas pihak-pihak yang bertelagah, namun dia berkemampuan menjalankan proses memudahcara pengalaman dan interpretasi pihak-pihak yang bertelagah terhadap pandangan agama masing-masing (Paz Alcalde, 2022). Panduan terhadap mediasi dan agama telah diterbitkan dalam tahun 2021 bertajuk *Religion and Mediation* dan ia boleh menjadi rujukan asas dalam usaha mempertingkatkan pengetahuan dan kebolehan para pengantara mengendalikan isu berkaitan agama dan persoalan kahwin campur (Orellana & Maassarani, 2021).

Kesimpulan

Syariat Islam membenarkan perkahwinan campur dengan syarat rukun dan syarat nikah itu dapat disempurnakan. Undang-undang sivil juga tidak menghalang ianya dilakukan. Namun begitu, permasalahan berkaitan kahwin campur tidak begitu diberi perhatian sedangkan statistik setiap tahun melaporkan pertambahan bilangan pasangan yang mengamalkan kahwin campur. Bilangan ini akan terus bertambah mengambil kira faktor komposisi masyarakat, kesan globalisasi, teknologi informasi dan media sosial yang melanda kehidupan manusia pada dekad ini. Realitinya hari ini, norma dan nilai hidup masyarakat boleh menjadi sangat rapuh kerana pertembungan adat, budaya dan agama serta tekanan nilai-nilai sekular pasca moden yang berpaksikan hak dan kebebasan manusia. Perkembangan ini ada hubungannya dengan keharmonian keluarga, masyarakat dan negara memandangkan perkahwinan melibatkan institusi kekeluargaan yang merupakan entiti asas dalam institusi sosial. Oleh yang demikian, persoalan kahwin campur perlu diberi perhatian oleh pihak-pihak yang berkepentingan. Sistem sokongan seperti mediasi sangat diperlukan oleh pengamal kahwin campur dan ahli keluarga dan ia perlu digerakkan kerana isu-isu yang berbangkit daripada kahwin campur tidak sepatutnya dilihat sebagai masalah peribadi yang terasing daripada hal terkait keharmonian sosial masyarakat majmuk di negara ini.

Rujukan

- Ahmad, S., Kahar, R., & Hasbullah, M. (2022). Knowledge, Attitude and Practice of Community Mediators in Malaysia. *Kajian Malaysia*, 40(2), 45–64. <https://doi.org/10.21315/km2022.40.2.3>
- Ahmad Tarmizi, S. H. A., & Osman, K. (2022). *Pelaksanaan Dakwah Melalui Perkahwinan Campur Menurut Islam*. Seminar Dakwah & Wahdah al-Ummah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anaelechi, O. E., & Yahya, F. B. (2022). Exploring the Intercultural Marriage between Malaysian Women and African Men in Sarawak. *Journal of Positive School Psychology*, 6(3), 2028–2055.

- Arshad, A., Abdullah, R., & Mat Ali, S. A. (2022). Kitabiyah dalam Perkahwinan di Malaysia: Isu dan Cabaran. *Kanun Jurnal Undang-undang Malaysia*, 34(2), 261–276. [https://doi.org/10.37052/kanun.34\(2\)no4](https://doi.org/10.37052/kanun.34(2)no4)
- Awang, A., Ghani, R. A., Musa, R., & Che Mat, A. (2022). The Challenges of Mixed Marriage in Malaysia from Mualaf's Circle. *Academic Journal of Interdisciplinary Studies*, 11(6), 203. <https://doi.org/10.36941/ajis-2022-0162>
- Budi Anto Mohd Tamring & Saidatul Nornis Mahali. (2020). Amalan Kahwin Campur Dalam Kalangan Masyarakat di Kota Kinabalu, Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(9). <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i9.486>
- De Gruyther, L. (1929). Mixed Marriages. *Journal of Comparative Legislation and International Law*, 34–41.
- Ean Khoo, S. (2011). Intermarriage, Integration and Multiculturalism: A Demographic Perspective In *Multiculturalism and integration: A harmonious relationship* (pp. 101–119). ANU E Press.
- Frevel, C. (Ed.). (2011). *Mixed marriages: Intermarriage and group identity in the Second Temple period*. T & T Clark International.
- Gill, S. S. (2001). Perkahwinan Campur Peranakan Punjabi di Sabah. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 19(1), 189–203.
- Ibrahim, H., & Maidin, A. J. (2020). Mediation and Interreligious Discourse: Prospects and Challenges in Resolving Interreligious Skirmishes in Malaysia. *Intellectual Discourse*, 28(1), 35–59.
- Leng, G. W. C. H. (2015). International Marriages in Malaysia: Issues Arising from State Policies and Processes. Dalam G. W. Jones, T. H. Hull, & M. Mohamad (Eds.), *Changing marriage patterns in southeast asia* (pp. 185–201). Routledge.
- Ming, D. C. (2013). *Kahwin Campur Pemangkin Perpaduan Kaum Malaysia*. Seminar Sastera Pelbagai Kaum, Dewan Orkestra ASWARA.
- Mitrayani, D. (2019). Navigating the Ambiguity of Mixed Identity as Chinese-Indonesian. Dalam, E. Hurd (Ed.), *The Reflexivity of Pain and Privilege* (pp. 3–19). BRILL. https://doi.org/10.1163/9789004393813_001
- Mohd Khambali, K., Awang, A., Sintang, S., Abdul Rahman, N. F., Wan Ramli, W. A., & Mat Karim, K. N. (2017). Muhajir Penjana Interaksi dan Toleransi Beragama Saudara Baru-Muslim-Non-Muslim. *Akademika*, 87(2), 63–76. <https://doi.org/10.17576/akad-2017-8702-05>
- Mubashir, M., & Vimalarajah, L. (2016). *Tradition- & Faith-Oriented Insider Mediators (TFIMs) as Crucial Actors in Conflict Transformation* (p. 37). The Network for Religious and Traditional Peacemakers. https://frantic.s3-eu-west-1.amazonaws.com/kua-peacemakers/2016/11/TFIM_FullReport_final.pdf
- Nagaraj, S. (2009). Intermarriage in Malaysia. *Malaysian Journal of Economic Studies*, 46(1), 75–92. Orellana, S. A. K., & Maassarani, T. (2021). *Religion and Mediation: Action Guide*. United States Institute of Peace.
- Pahutar, A. A., Ritonga, M., Hanafi, A. H., & Siregar, N. H. (2024). Perkawinan Campuran Dalam Dampak Globalisasi Pada Hukum Keluarga. *Jurnal El-Qanuniy: Jurnal Ilmu- Ilmu Kesyarahan Dan Pranata Sosial*, 10(1), 49–71.
- Paz Alcalde, N. (2022). *How to mediate in religious conflicts?* Uppsala Universitet.
- Pue, G. H. (2015). *Perkahwinan campur dan fenomena Peranakan di Semenanjung Malaysia* (Cetakan pertama, 2015). Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rasip, Z.M., Anis Malik Toha, A.M., Ab Razak, M.S., & Abdullah, S.A.Y. (2025a). Fenomena LGBTQ dan faktor-faktor yang meningkatkan penglibatan masa kini, *MJSSH Online*, 9(1), 40 – 56.
- Rasip, Z.M., Nayan, N.F.S., Abu Bakar, N.I.N., Sabri, S.H., & Mohamad, M.Z. (2025b). Converts and the Early Development of Islam in Sabah: History and Challenges from the 14th Century to the Independence Era in 1963, *International Journal of Academic Research in Progressive Progressive Education and Development*, 14(1), 1495-1509.
- Sánchez, J. F. (2012). Interfaith Dialogue in Spain—Religious Mediation: A Brief Analysis of Spain's Religious Liberty Law. *Brigham Young University Law Review*.
- Sewenet, A. M., Tessagaye, F. M., & Tadele, G. (2017). Interreligious Marriage: Social and Religious Perspectives.

Imperial Journal of Interdisciplinary Research (IJIR), 3(6), 355–362.

Tudorel, A., Régis, B., Bogdan, O., & Andreea, M. (2020). Mixed Marriages in Romania – The Case of the Hungarian Minority. *Economic Computation and Economic Cybernetics Studies and Research*, 54(1/2020), 5–14. <https://doi.org/10.24818/18423264/54.1.20.01>

Zarean, M., & Barzegar, K. (2016). Marriage in Islam, Christianity and Judaism. *Religious Inquiries*, 5(9), 67–80.